

02 SEP 2001

Syed Hamid-Singapura

LAWATAN LEE BUKA JALAN SELESAI PAKEJ ISU DUA HALA

PETALING JAYA, 2 Sept (Bernama) -- Malaysia berharap lawatan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew ke negara ini akan dapat membantu ke arah penyelesaian muktamad pakej isu hubungan dua hala yang belum beres, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Katanya Kuala Lumpur menaruh harapan lebih tinggi berbanding dulu berhubung penyelesaian isu-isu berkenaan kerana ia penting bagi membolehkan tumpuan diberi kepada perkara lain dalam meningkatkan hubungan kedua-dua negara.

"Dulu kita menghadapi jalan buntu kerana masing-masing mempunyai pegangan terhadap perkara yang pokok. Bagaimanapun, Singapura sekarang lebih hendak membincangkan perkara yang telah diketengahkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Wisma Putra di sini hari ini.

Selain perjanjian baru bekalan air kepada Singapura, isu-isu dalam pakej itu ialah penempatan semula pusat pemeriksaan kastam Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar, pembangunan tanah kereta api milik Malaysia di Singapura, penggunaan ruang udara oleh tentera udara Singapura dan pengeluaran wang pencen oleh rakyat Malaysia dari Semenanjung yang telah bekerja di Singapura.

Lee, yang akan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang petang ini untuk lawatan empat hari, dijadual mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa menteri kanan Malaysia.

Lee dan Dr Mahathir telah berbincang mengenai perkara berkenaan semasa lawatan menteri kanan itu ke Kuala Lumpur Ogos tahun lepas selaras dengan persetujuan untuk menyelesaikan isu-isu terbabit secara pakej yang dicapai antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya Goh Chok Tong pada 1998.

Syed Hamid berkata: "Dalam perbincangan Lee dengan Dr Mahathir dulu, ada beberapa syor yang telah dikemukakan dan kitapun sudah memberikan respons.

"Tetapi masih ada jurang (yang perlu) untuk mendapat kata sepakat. Jadi ini akan dibincangkan pada lawatan beliau kali ini."

Dilaporkan bahawa Singapura menerima respons daripada Dr Mahathir pada 7 Mac dengan Menteri Luar Singapura S.Jayakumar memberitahu Parlimen negara itu bahawa ada perbezaan pendapat dalam sesetengah perkara yang telah dibincangkan pada pertemuan Lee dan Dr Mahathir Ogos lepas.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata berdasarkan kepada perbincangan awal, kedua-dua belah pihak kini nampaknya mempunyai minat untuk mencapai persetujuan.

Syed Hamid berkata dalam lawatannya kali ini, Lee akan membawa beberapa pemimpin muda Singapura untuk berinteraksi dengan pemimpin muda Malaysia.

"Di kalangan pemimpin yang akan mengambil alih kepimpinan kedua-dua negara perlu ada rangkaian untuk mencapai kata sepakat dalam perkara yang mungkin menimbulkan masalah dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau berkata bersesuaian dengan sifat terbuka Malaysia, Lee akan berpeluang bertemu dengan pelbagai golongan di Malaysia termasuk bekas-bekas menteri, anggota Parlimen dan usahawan tempatan.

Menurut Syed Hamid, Lee diharap dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang itu bagi mengetahui keadaan sebenar di negara ini.

-- BERNAMA

MAM HS RON